

TADBIR URUS BERINTEGRITI KUNCI KECEMERLANGAN ORGANISASI



Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2023 peringkat Koop Sahabat.

INTEGRITI, TADBIR URUS ORGANISASI YANG BAIK, BENTENG CEGAH RASUAH


FAKTA!!
Hari Antirasuah
Antarabangsa (HARA)
diadakan pada 9
Disember setiap tahun.

Mengapa rasuah berlaku? Gaji rendah semestinya bukan faktor utama seseorang terbabit rasuah. Buktinya dalam laporan media saban hari, penjenayah rasuah merangkumi pelbagai kumpulan masyarakat. Rata-ratanya mempunyai jawatan dan kedudukan dalam sektor kerajaan dan swasta.

Faktor mendorong seseorang terbabit jenayah kolar putih seperti fraud dan rasuah dijelaskan melalui **Model Segi Tiga Fraud** dan **Model Berlian Fraud**.

Model Segi Tiga Fraud (1953) oleh Dr Donald R Cressey menjelaskan manusia terdorong melakukan fraud kerana mempunyai peluang, tekanan dan rasionalisasi akal.

Namun begitu, Model Segi Tiga Fraud dikembangkan oleh Wolfe dan Hermanson, menambah satu lagi faktor, iaitu **keupayaan individu** terbabit, sekali gus dinamakan Model Berlian Fraud (2004).



1. Meningkatkan kesedaran budaya integriti dan benci rasuah dalam Koperasi

2. Amalkan referral policy apabila berlaku jenayah dan salah laku dalam organisasi

3. Memahami undang-undang kesalahan rasuah

4. Pimpinan berintegriti menjadi teladan ahli Koperasi

LANGKAH MENGUKUHKAN TADBIR URUS KOPERASI

5. Mengkaji risiko dan perkukuh sistem kawalan dalaman

6. Saluran melapor aduan yang berkesan dan boleh dipercayai

7. Awasi amalan gaya hidup mewah: polisi beri / terima hadiah

8. Penglibatan dan kerjasama masyarakat untuk melapor rasuah

PUNCA-PUNCA KEMEROSOTAN INTEGRITI



"Perkara yang paling penting dalam tadbir urus ialah kawalan pengurusan"

- Joko Widodo, Presiden Indonesia

